

OCBC PREMIER VOYAGE MASTERCARD

Risalah Pendedahan Produk

Penafian: Risalah Pendedahan Produk ini adalah untuk tujuan makluman sahaja dan tidak termaktub sebagai nasihat atas mana-mana perkara yang dibincangkan. Semua maklumat dan bahan termasuk semua mengenai perkhidmatan, produk, maklumat kewangan, data, teks atau perkara-perkara lain yang diberikan adalah semata-mata "sepertinya" atau "seperti yang tersedia" dan disediakan untuk maklumat dan rujukan sahaja. OCBC Bank tidak menjamin kebergunaan atau kecukupan maklumat yang diberikan dan tidak akan dipertanggungjawabkan untuk sebarang ralat dan tidak akan bertanggungjawab atas sebarang akibat yang berlaku kerana kebergantungan atas sebarang pendapat atau kenyataan yang terkandung di sini atau untuk sebarang ketinggalan. Terma dan Syarat Kad Kredit OCBC dikawal oleh Perjanjian Ahli Kad OCBC. Semua maklumat boleh didapati di semua cawangan OCBC Bank dan di www.ocbc.com.my. Risalah Pendedahan Produk ini adalah sulit dan tidak boleh dicetak semula [seluruhnya atau sebahagiannya] kepada mana-mana orang lain tanpa kebenaran bertulis oleh OCBC Bank.

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL KE ATAS ANDA JIKA ANDA TIDAK MEMBUAT PEMBAYARAN BAGI BAKI KAD KREDIT ANDA.

Maklumat yang disediakan di dalam risalah pendedahan ini adalah sah pada 08/2023. Untuk melihat versi terkini risalah pendedahan ini, sila log masuk di laman web kami di www.ocbc.com.my



Baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil produk OCBC Premier Voyage MasterCard. Pastikan juga anda membaca Perjanjian Ahli Kad OCBC dan Terma dan Syarat OCBC Premier Voyage MasterCard. Semua rujukan kepada "OCBC Bank" dan "kami" bermaksud OCBC Bank (Malaysia) Berhad [Co. Reg. No. 199401009721 / 295400-W].

1. Apakah produk ini?

OCBC Premier Voyage MasterCard adalah kemudahan tidak bercagar di mana sejumlah kredit diluluskan oleh OCBC kepada anda untuk digunakan terutamanya bagi pembayaran barangan dan perkhidmatan dan di mana sebarang amaun kredit yang telah anda gunakan dan tidak dijelaskan sepenuhnya pada atau sebelum tarikh tertentu, maka baki tertunggak adalah tertakluk kepada caj kewangan.

2. Apa yang akan saya perolehi daripada produk ini?

- Had kredit yang tertakluk kepada kelulusan OCBC Bank yang akan dimaklumkan kepada anda dalam pek selamat datang OCBC Premier Voyage MasterCard.
- Anda layak untuk menerima *Voyage Miles* untuk semua transaksi tempatan dan luar negara. *Voyage Miles* yang diterima dan terkumpul tidak mempunyai tarikh luput.
- Anda boleh menikmati penebusan *miles* setempat.
- Anda mempunyai akses perkhidmatan *rencam (concierge)*. *Concierge* tersebut boleh mendapatkan atau memberi maklumat dan/atau menempah atau membeli barangan tertentu yang disenaraikan dan tertakluk kepada, Terma dan Syarat OCBC Premier Voyage MasterCard.
- Insurans Kemalangan Perjalanan percuma disediakan dengan caj penuh harga penerbangan pada OCBC Premier Voyage MasterCard anda.

3. Apakah kewajipan saya?

- Jumlah minima yang perlu dibayar [Jumlah semasa] bermaksud yang mana lebih tinggi diantara (a) dan (b) di bawah:

Bayaran Minima Bulanan

(a) Jumlah agregat untuk yang berikut:

- (i) 5% daripada baki baru [tidak termasuk ansuran bulanan yang dikontrakkan seperti yang dirujuk kepada (ii) di bawah]; dan
- (ii) 100% daripada ansuran bulanan yang dikontrakkan termasuk sebarang pelan bayaran ansuran bulanan, pelan pemindahan baki dan sebarang penukaran baki automatik ("Auto Balance Conversion" – ABC)

(b) RM50

Untuk maklumat lanjut berkenaan ABC, kelayakkan serta bagaimana ABC berfungsi, sila layari laman sesawang OCBC.

*Sepertimana yang ditakrifkan dalam Perjanjian Ahli Kad OCBC

- Tempoh tanpa faedah
20 hari daripada tarikh penyata dengan syarat tiada baki tertunggak di dalam akaun ahli kad. Jika ahli kad memilih untuk membuat bayaran separa atau minimum, caj kewangan atas transaksi runcit akan dikenakan daripada hari transaksi direkodkan pada akaun kad. Tempoh tanpa faedah adalah tidak terpakai bagi Pendahuluan Tunai atau Pemindahan Baki.

- Mematuhi Perjanjian Ahli Kad OCBC dan Terma dan Syarat bagi penggunaan kad kredit;
- Mengambil langkah berjaga-jaga untuk menyimpan kad kredit dan PIN pada setiap masa, termasuk di dalam tempat kediaman pemegang kad.

Ini termasuk untuk tidak:

- (i) mendedahkan butiran kad kredit atau PIN kepada individu lain;
- (ii) menulis PIN di atas kredit kad atau di atas apa-apa barang yang disimpan berdekatan kad tersebut;
- (iii) menggunakan PIN yang dipilih daripada tarikh lahir, kad pengenalan, passport, lesen memandu atau nombor telefon pemegang kad; dan
- (iv) membenarkan orang lain untuk menggunakan kad kredit dan PIN.
- Memaklumkan OCBC Bank dengan segera setelah mendapati bahawa kad kredit hilang, dicuri, terdapat transaksi tidak dibenarkan atau PIN yang mungkin telah digugat;
- Serta merta memaklumkan OCBC Bank jika menerima amaran transaksi melalui khidmat mesej pendek (SMS) jika ianya transaksi tidak dibenarkan;
- Serta merta memaklumkan OCBC Bank jika terdapat perubahan pada nombor telefon pemegang kad;
- Menggunakan kad kredit dengan bertanggungjawab, termasuk tidak menggunakan kad kredit untuk aktiviti jenayah; dan
- Memeriksa penyata bulanan dan melaporkan sebarang percanggahan tanpa melengahkan masa.
- Sebagai Ahli Kad Prinsipal, anda bertanggungjawab atas semua transaksi yang dilakukan oleh pemegang kad tambahan anda.

4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?
Sila rujuk halaman sebelah.

5. Bagaimana jika saya gagal memenuhi kewajipan saya?

Caj kewangan:

- Anda bertanggungjawab untuk membayar caj kewangan yang dikenakan atas baki tertunggak yang dibawa ke hadapan daripada tarikh terakhir penyata bulanan, dikira daripada tarikh keesokan hari selepas tarikh penyata bulanan terkini. Ikh keesokan hari selepas tarikh penyata bulanan terkini.

Caj lewat pembayaran:

- Anda bertanggungjawab untuk membayar caj lewat pembayaran termasuk baki jika bayaran minimum bulanan tidak diterima oleh OCBC Bank pada atau sebelum tarikh pembayaran, tertakluk kepada caj lewat pembayaran minimum yang akan ditentukan oleh OCBC Bank dari semasa ke semasa.

Hak untuk membatalkan:

- OCBC Bank berhak untuk dan boleh mengeluarkan notis kepada anda untuk menolak selesai mana-mana baki kredit dalam akaun anda dengan OCBC Bank terhadap mana-mana baki tertunggak dalam akaun OCBC Premier Voyage MasterCard anda.

Liabiliti atas transaksi tanpa kebenaran:

- Anda bertanggungjawab untuk transaksi tanpa kebenaran yang memerlukan PIN jika anda telah:
 - (i) melakukan penipuan, atau
 - (ii) menanggukuhkan pemberitahuan kepada OCBC Bank

dengan segera; setelah mendapati bahawa terdapat kerugian atau penggunaan tanpa kebenaran pada kad kredit anda, atau

- (iii) mendedahkan PIN anda kepada individu lain secara sukarela, atau
 - (iv) merekodkan PIN di atas kad kredit atau di atas apa-apa yang disimpan berdekatan dengan kad kredit anda.
 - Anda bertanggungjawab untuk transaksi tanpa kebenaran yang memerlukan pengesahan tandatangan atau dengan kad tanpa sentuh jika anda telah:
 - (i) melakukan penipuan, atau
 - (ii) menanggukkan pemberitahuan kepada OCBC Bank dengan segera yang boleh setelah mendapati bahawa terdapat kerugian atau penggunaan tanpa kebenaran pada kad kredit anda, atau
 - (iii) meninggalkan kad kredit atau barangan yang mengandungi kad kredit anda tanpa pengawasan di tempat yang boleh nampak dan senang dicapai oleh individu lain; atau
 - (iv) membenarkan individu lain menggunakan kad kredit anda secara sukarela.
 - Anda akan menanggung kerugian akibat kecuaiannya anda dalam menjaga OCBC Premier Voyage MasterCard anda daripada kerugian, kecurian, pendedahan PIN, atau jika anda gagal memberitahu Pusat Kad Kredit OCBC Bank dengan segera setelah menyedari bahawa OCBC Premier Voyage MasterCard tersebut telah hilang, dicuri, didedahkan PIN atau jika anda mengesyaki transaksi tanpa kebenaran telah dilakukan. Anda dikehendaki membuat laporan polis dan memberi satu salinan laporan kepada OCBC Bank.
 - Jika anda gagal mematuhi Perjanjian Ahli Kad OCBC dan Terma dan Syarat OCBC Premier Voyage MasterCard, kami berhak membatalkan keahlian OCBC Premier Voyage MasterCard anda.
6. Apakah risiko utama penggunaan produk ini?
- Dengan hanya membuat pembayaran minimum bulanan, amaun faedah dan masa yang diperlukan untuk menyelesaikan amaun penuh akan meningkat. Fikirkan tentang keupayaan anda untuk membuat pembayaran ketika menggunakan OCBC Premier Voyage MasterCard anda. Jika anda menggunakan OCBC Premier Voyage MasterCard anda untuk membuat pembayaran semula untuk pembiayaan lain, ia mungkin akan meningkatkan kos anda.
 - Caj kewangan yang dikenakan atas baki tertunggak untuk OCBC Premier Voyage MasterCard ini berdasarkan struktur harganya bertingkat menurut latar belakang pembayaran semula anda.
 - Jika anda mempunyai masalah untuk membayar baki OCBC Premier Voyage MasterCard anda, hubungi OCBC Bank dengan segera untuk membincangkan alternatif pembayaran semula.
 - Jika anda kehilangan OCBC Premier Voyage MasterCard anda, pihak ketiga boleh menggunakannya untuk membuat pengeluaran daripada akaun anda atau membuat pembelian menggunakan duit daripada akaun anda melalui cara berikut (tidak terhad kepada):
 - Pengeluaran wang pendahuluan ATM
 - Pembelian runcit
 - Pembayaran bil
 - Anda mempunyai pilihan untuk menerima notifikasi SMS yang dihantar kepada telefon bimbit anda untuk setiap

transaksi melebihi RM100. Jika anda tidak mengaktifkan notifikasi SMS, atau gagal mengemaskini maklumat anda seperti perubahan nombor telefon bimbit anda kepada OCBC Bank, anda akan menghadapi risiko yang tinggi dan bakal mengalami kerugian.

- Caj Lewat Pembayaran & Kewangan atas Pendahuluan Tunai, Pemindahan Baki, dan *Call for Cash* tambahan pula kepada yuran pendahuluan tunai dan faedah untuk setiap kemudahan tersebut.
7. Apa yang perlu saya lakukan jika ada perubahan pada maklumat perhubungan saya?
- Adalah penting untuk anda maklumkan kepada OCBC Bank tentang sebarang perubahan pada maklumat perhubungan anda untuk memastikan bahawa semua amaran transaksi dan perhubungan sampai kepada anda tepat pada masanya. Sila telefon Hotline OCBC Premier Banking di +603 8315 4288 untuk mengemaskini maklumat perhubungan anda yang terbaru.
 - Anda juga boleh menghubungi kami pada bila-bila masa untuk mengemaskini Butiran Peribadi anda. Maklumat ini penting bagi kami dalam usaha berterusan untuk memperbaiki perkhidmatan kami. Jangan risau, Maklumat Peribadi anda tidak akan didedahkan.
8. Bagaimana jika saya memerlukan bantuan tambahan untuk menunaikan penyelarasan?
- Jika anda mempunyai sebarang kesulitan membuat pembayaran, anda patut menghubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan alternatif pembayaran. Anda boleh menghubungi kami di:
 - OCBC Bank (Malaysia) Berhad, Manara OCBC, 18 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur
Tel: +603 8315 4288
Faks: 03-8688 9600
Laman web: www.ocbc.com.my
 - Sebagai alternatif tambahan, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). AKPK ialah sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma bagi pengurusan kewangan, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang untuk individu, Anda boleh menghubungi AKPK di:
 - Tingkat 8, Maju Junction Mall, 1001 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur
Tel: 03-2616 7766
Emel: enquiry@akpk.com.my
 - Program POWER! Adalah program yang dijalankan oleh AKPK untuk memperkasa peminjam muda dan kali pertama dengan pengetahuan untuk menguruskan kewangan mereka dengan efektif. Untuk mendaftar, sila hubungi 03-2616 7766 atau layari www.akpk.gov.my untuk maklumat lanjut.
 - Jika anda ingin melaporkan aduan berkenaan produk atau perkhidmatan kami, anda juga boleh menulis kepada kami di:
 - Customer Assurance Unit OCBC Bank - Transformasi Perkhidmatan Menara OCBC No. 18 Jalan Tun Perak 50050 Kuala Lumpur; Email: myexperience@ocbc.com; atau hubungi Pusat Perhubungan OCBC di +03 8315 4288
 - Jika anda tidak berpuas hati dengan servis kami berkenaan persoalan atau aduan anda, anda boleh menghubungi Customer Contact Centre (BNMTELELINK):

- Bank Negara Malaysia, P.O. Box 10922, 50929 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK); Luar Negara: 603-2174-1717
Waktu Operasi: 9.00 a.m. - 5.00 p.m. [Isnin - Jumaat kecuali cuti umum]
Web form: telelink.bnm.gov.my
9. Di manakah saya boleh mendapat maklumat lanjut?
Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai OCBC Premier Voyage Mastercard, sila rujuk kepada risalah maklumat perbankan mengenai 'Kad Kredit' yang boleh didapati di semua cawangan OCBC Bank, dan di laman web www.ocbc.com.my.

10.Produk Kad Kredit OCBC yang ada:

- OCBC CashFlo MasterCard
- OCBC Great Eastern Platinum MasterCard
- OCBC Titanium MasterCard [Biru/Merah Jambu]
- OCBC 365 MasterCard
- OCBC 90°N Visa Card

Yuran dan Caj	Huraian	
Yuran Tahunan	Keahlian Prinsipal RM750	Keahlian Tambahan RM500
Cukai Perkhidmatan	Cukai Perkhidmatan sebanyak RM25 akan dikenakan untuk setiap kad prinsipal & kad tambahan dan akan dicaj pada pengaktifan kad kredit dan seterusnya, setiap dua belas bulan selepasnya atau sebahagian daripadanya setelah kad tersebut diaktifkan atau pada pembaharuan kad kredit.	
Caj Kewangan	i) Caj faedah sebanyak 15% setahun bagi pemegang kad yang membuat pembayaran segera 12 bulan yang lepas secara berturut ii) Caj faedah sebanyak 17% setahun bagi pemegang kad yang membuat pembayaran segera untuk sama ada 10 atau 11 bulan daripada 12 bulan yang lepas secara berturut. iii) Caj faedah sebanyak 18% setahun bagi pemegang kad yang tidak menepati kriteria di atas. Untuk menikmati caj kewangan yang lebih rendah berkenaan dengan transaksi runcit, anda dikehendaki melakukan sekurang-kurangnya 10 pembayaran segera dalam 12 bulan terkini.	
a) Pembelian Runcit Termasuk Pemindahan Baki dan <i>Call-for-Cash</i>		
b) Pendahuluan Tunai / Cip Kasino	18% setahun daripada amaun pendahuluan tunai/cip kasino yang dikira secara harian daripada tarikh transaksi.	
Caj Faedah Pemindahan Baki	6% setahun rata atau lebih rendah kerana promosi kadar faedah	
<i>Call-for-Cash</i> [CFC] a) Kadar Faedah	a) 9% setahun rata atau lebih rendah kerana promosi kadar faedah	

b) Yuran Pendahuluan Tunai	b) 3% atau lebih rendah kerana promosi kadar faedah (yuran satu-kali)	
Tempoh Tanpa Faedah	<u>Transaksi Runcit</u> 20 hari daripada tarikh penyata dengan syarat tiada baki tertunggak dalam akaun ahli kad. Jika ahli kad memilih untuk membuat bayaran separa atau minimum, caj kewangan pada transaksi runcit akan dikenakan daripada hari transaksi direkodkan pada akaun kad. Tempoh tanpa faedah adalah tidak terpakai bagi Pendahuluan Tunai atau Pemindahan Baki.	
Yuran Pendahuluan Tunai / Cip kasino	5% daripada amaun pendahuluan atau minimum RM20 yang mana lebih tinggi. Ini akan dikenakan atas setiap transaksi pendahuluan tunai.	
Bayaran Minima Bulanan	Jumlah minima yang perlu dibayar (Jumlah semasa) bermaksud yang mana lebih tinggi diantara (a) dan (b) di bawah: (a) Jumlah agregat untuk yang berikut: (i) 5% daripada baki baru* (tidak termasuk ansuran bulanan yang dikontrakkan seperti yang dirujuk kepada (ii) di bawah); dan (ii) 100% daripada ansuran bulanan yang dikontrakkan termasuk sebarang pelan bayaran ansuran bulanan, pelan pemindahan baki dan sebarang penukaran baki automatik ("Auto Balance Conversion" – ABC) (b) RM50 Untuk maklumat lanjut berkenaan ABC, kelayakkan serta bagaimana ABC berfungsi, sila layari laman sesawang OCBC . *Sepertimana yang ditakrifkan dalam Perjanjian Ahli Kad OCBC	
Caj Lewat Pembayaran	1% yuran lewat pembayaran hanya sah untuk transaksi runcit dan pendahuluan tunai atau RM10 (yang mana lebih tinggi), tertakluk kepada nilai maksimum RM100.	
Pertukaran untuk Transaksi Luar Negeri	Transaksi Luar Negara tertakluk kepada kadar penukaran mata wang yang ditentukan oleh MasterCard Worldwide termasuk dengan caj tambahan untuk yuran transaksi yang dicaj oleh MasterCard Worldwide.	
Yuran Dapat Semula Penyata Bulanan	Percuma untuk penyata semasa atau 2 bulan terkini manakala RM5.00 untuk setiap penyata melebihi 3 bulan.	
Yuran Dapat Semula Draf Jualan	Salinan asal RM15.00	Salinan pendua RM8.00
Yuran Pemulangan Cek	Tiada caj	
Yuran Penggantian Kad	RM500 (metal) RM50 (PVC)	